

PEMBELAJARAN PASUKAN DAN KEPIMPINAN PENGETUA DALAM MEWUJUDKAN ORGANISASI PEMBELAJARAN

Oleh:

Mohamad Nizam Bin Hj. Nazarudin
Universiti Malaysia Sabah

Zakiah Noordin
Institut Perguruan Gaya

Sazali Yusoff
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Mohd Sofian Omar Fauzee
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Responden kajian terdiri daripada 240 orang guru di lapan belas buah sekolah menengah Daerah Petaling, Selangor. Kajian ini meninjau kepemimpinan pengetua terhadap pembelajaran pasukan panitia dalam mewujudkan organisasi pembelajaran. Satu gabungan teknik pensampelan rawak, berstrata dan bermatlamat digunakan. Pengumpulan data dibuat dengan menggunakan soal selidik. Instrumen domain kepemimpinan pengetua (Pembangunan Organisasi, Persekitaran Organisasi, dan Program Pendidikan) diubahsuai daripada soal selidik APE dan TALIS manakala soal selidik DLOQ digunakan untuk pembelajaran pasukan. Nilai kepercayaan Alpha Cronbach bagi item soal selidik ialah 0.846 untuk aspek kepemimpinan pengetua, sementara 0.910 untuk aspek pembelajaran pasukan. Analisis deskriptif (kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai), dan inferensi (T-test, ANOVA, Korelasi Pearson dan Regresi Pelbagai) digunakan untuk menganalisis data yang di kumpul. Data kajian diproses menggunakan SPSS versi 14.0 (Statistical package for Social Sciences version 14.0). Dapatan kajian menunjukkan: (1) min persepsi guru tentang pembangunan organisasi, persekitaran organisasi, program pendidikan dan

pembelajaran pasukan adalah pada tahap sederhana; (2) tidak wujud perbezaan persepsi yang signifikan berdasarkan faktor gred sekolah ($t=2.133$, $p=.579$), pengalaman guru ($f=.502$, $p=.606$), jawatan yang disandang ($f=.710$, $p=.403$) dan kelayakan akademik ($f=.591$, $p=.554$); (3) Analisis korelasi Pearson 'r' pula menunjukkan hubungan positif yang sederhana antara kepemimpinan pengetua dan pembelajaran pasukan iaitu pembangunan organisasi ($r=.531$), persekitaran organisasi ($r=.592$), dan program pendidikan ($r=.641$); dan (4) kesemua domain kepemimpinan pengetua yang dikaji merupakan peramal yang mempunyai korelasi dan sumbangan kepada pembelajaran pasukan. Dapatan utama kajian ini memaparkan bahawa faktor penambahbaikan pengajaran dan perkembangan profesional berterusan (domain program pendidikan) memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran pasukan. Analisis regresi pelbagai menunjukkan domain program pendidikan merupakan penyumbang terbesar terhadap pembelajaran pasukan ($f^2 = 0.456$) diikuti dengan domain persekitaran organisasi.

PENGENALAN

Kejayaan masa hadapan bergantung kepada mutu modal insan yang dimiliki, bukan sekadar dari segi intelek tetapi juga keperibadian. Pelaburan dalam modal insan diberi penekanan lebih besar sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK 9) bagi meningkatkan daya tahan dan pertumbuhan ekonomi serta membentuk masyarakat yang memiliki sistem nilai yang boleh diteladani. Bagi tujuan itu, penambahbaikan sistem penyampaian pendidikan secara komprehensif, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat harus dilaksanakan. Program pembelajaran sepanjang hayat harus diperluas dalam menyediakan lebih banyak peluang kepada individu untuk meningkatkan dan menambahbaikan kualiti diri melalui pemerolehan ilmu pengetahuan dan kemahiran secara berterusan. Menurut Watkins and Marsick, kita kini berada dalam keadaan perubahan yang tidak pernah berlaku tetapi banyak organisasi masih berfungsi mengikut era industri. (Watkins & Marsick, 1999: 78). Mereka menegaskan bahawa pembelajaran organisasi akan membantu struktur organisasi, budaya, reka bentuk kerja dan model mental yang akan dapat mempercepat perubahan secara meluas. (Watkins & Marsick, 1999: 79). Pendek kata pembelajaran organisasi iaitu suatu pendekatan sistem dalam mengurus perubahan telah muncul sebagai suatu cara untuk menangani ketidakpastian persekitaran ini. Ini selaras dengan teras kedua Misi Nasional, 2006-2020 iaitu meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'.

Ini adalah antara lapan teras Dasar Pembangunan Modal Insan yang digariskan dalam Laporan Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Secara ringkasnya, terdapat dua pendekatan yang dijadikan kerangka utama bagi melaksanakan enam teras strategik yang telah dikenal pasti, iaitu membina negara bangsa, membangunkan modal insan, memperkasa Sekolah Kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan, memartabatkan profesion keguruan dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan. Dalam hal ini, organisasi pembelajaran penting dibangunkan. Menurut Senge (2006: 4), organisasi pembelajaran bermaksud organisasi yang bijak merencanakan masa depannya dengan menjadikan pembelajaran sebagai satu proses kreatif yang berterusan untuk ahlinya; menggembelng komitmen dan kebijaksanaan secara kolektif, berusaha melalui pembangunan, penyesuaian dan transformasi bagi memenuhi kehendak dan aspirasi manusia di dalam dan di luarnya. Perubahan persekitaran dan ekonomi pada masa kini memerlukan sekolah melahirkan pelajar-pelajar yang boleh bersaing dan memenuhi kehendak dan tuntutan masyarakat apabila mereka memasuki alam pekerjaan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Sistem pengurusan sekolah mesti mempunyai kapasiti organisasi untuk menentukan pelajar-pelajar yang dihasilkan dapat mencapai satu tahap piawaian yang tinggi selaras dengan perubahan masa dan keperluan masyarakat. Sekolah harus menyediakan persekitaran yang kondusif, budaya kerja yang mantap dan amalan-amalan pengurusan yang akan membawa kepada kecemerlangan organisasi. Persoalannya adakah sekolah bersedia dengan strategi-strategi tertentu untuk meningkatkan keberkesanan dan memperoleh kecemerlangan? Selaras dengan deklarasi IEL (The Institute of Educational Leadership) bahawa "*the top priority of principalship must be leadership for learning*" maka peranan pengetua amat penting untuk membimbing guru-gurunya supaya perubahan dapat dilaksanakan untuk menggalakkan pembelajaran guru-guru pada amnya dan kepentingan pencapaian murid khususnya. Seperti mana dalam tempoh PIPP, antara fokus dan strategi bagi memperkasakan Sekolah Kebangsaan ialah pemantapan pengetua/guru besar dan kualiti guru (PIPP, 2007: 81).

PERNYATAAN MASALAH

Masalah yang dihadapi pengetua ialah melaksanakan perubahan atau kemajuan perubahan di sekolah ke arah mewujudkan komuniti pembelajaran profesional. Perubahan amat perlu dilakukan di sekolah tetapi terdapat guru-guru yang sukar atau tidak mahu berubah sama ada dari segi pengurusan pendidikan mereka mahupun yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran. Hal ini juga ditekankan dalam Laporan Pemantauan Kolaboratif Pelaksanaan Projek Rintis Sekolah Bestari (2001: 496-497) bahawa apabila guru-guru ditemu bual selepas pencerapan dibuat, ada juga yang tidak bersedia membuat perubahan kerana yakin pengajaran dan pembelajaran konvensional relevan dengan sistem peperiksaan. Dapatan-dapatan ini menunjukkan kurangnya inisiatif guru sebagai individu untuk berubah. Pembelajaran organisasi hanya akan berlaku sekiranya setiap individu dalam sesebuah organisasi itu belajar.

Laporan Jemaah Nazir (2006) telah memaparkan bahawa pengurusan panitia di sekolah-sekolah kurang berkesan kerana agenda mesyuarat panitia kurang membincangkan agenda profesional seperti peningkatan pengajaran dan pembelajaran, program perkembangan staf untuk panitia, perkongsian amalan terbaik dalaman dan luaran, pemberian latihan dan kerja rumah secara terancang, penggunaan bahan bantu mengajar yang lebih berkesan dan sebagainya. Agenda yang dibincangkan oleh mesyuarat panitia bertumpu kepada perkara-perkara rutin seperti ujian, peperiksaan, proses mengisi data *Head Count*, minggu atau bulan Sains, Matematik, Bahasa dan sebagainya

seperti mana tercatat dalam takwim sekolah. Refleksi dan perbincangan tentang pencapaian murid-murid dalam ujian dan peperiksaan adalah sedikit.

Laporan Pemantauan Kolaboratif Pelaksanaan Projek Rintis Sekolah Bestari (2001: 517) menyatakan bahawa dari segi pengurusan mata pelajaran, ketua bidang dan ketua panitia haruslah memberi lebih tumpuan kepada perancangan aktiviti yang menjurus kepada peningkatan pengajaran dan pembelajaran bestari dan tidak hanya berfokus kepada menyediakan pelajar untuk peperiksaan. Ini memberi gambaran tentang perlunya peningkatan pembelajaran pasukan di dalam organisasi sekolah. Seajar dengan tuntutan ini, Jemaah Nazir telah mengendalikan kursus untuk pemimpin sekolah, penolong kanan dan ketua panitia di Daerah Petaling. Salah satu daripada elemen penting dalam pembelajaran organisasi ialah pembelajaran berterusan termasuk program perkembangan staf.

Kajian ini menunjukkan bahawa guru tidak puas hati kerana tiada kebebasan menyuarakan bentuk perancangan program perkembangan staf yang mereka inginkan hingga membawa konflik keutamaan antara guru dengan pentadbiran sekolah (Wan Mohd Rashid Wan Ahmad, 1999). Sekiranya konflik ini berlaku, peranan kepemimpinan pengetua perlu dihalusi untuk meneliti kepemimpinan pengetua terhadap pembelajaran pasukan. Dapatan yang sama juga didapati daripada satu kajian yang dijalankan oleh Baharom Mohamad (2002), yang meninjau tentang persepsi guru-guru terhadap kepimpinan pengajaran dalam kalangan pengetua dan guru besar dalam celek komputer di sekolah-sekolah di negeri Johor. Daripada pemerhatian, didapati bahawa amalan permuafakatan seperti perancangan program perkembangan staf masih kabur. Perancang program perkembangan staf masih bersifat ad-hoc, defisit, tiada dasar bertulis, serta kurang penglibatan guru (Zulwali Kifli Merawi, 1996). Perancang ini merujuk kepada kepemimpinan pengetua yang memainkan peranan yang amat penting dalam menentukan hala tuju sesebuah organisasi.

Pihak pemimpin sekolah perlu banyak memberikan tumpuan kepada budaya peningkatan ilmu dan kemahiran terkini pemimpin sendiri serta guru-guru dalam mewujudkan pembelajaran organisasi. Pengetua berperanan sebagai suri teladan dalam mengakses ilmu pengetahuan dan pembelajaran sepanjang hayat. Dalam era globalisasi peningkatan teknologi yang pesat memudahkan penyebaran maklumat dengan cepat. Dalam membangunkan pengurusan pendidikan berkualiti, pemimpin haruslah bukan sekadar merupakan seorang yang terpelajar tetapi seorang pelajar yakni sebagai individu dalam organisasi yang dapat memberi impak kepada pasukan seperti panitia-panitia di sekolah.

Maka wujudlah keperluan untuk membuat kajian tentang kepemimpinan pengetua terhadap pembelajaran pasukan panitia dalam mewujudkan pembelajaran organisasi.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan meninjau sama ada wujudnya hubungan antara kepemimpinan pengetua dan pembelajaran pasukan dalam kalangan guru.

Secara khususnya, objektif-objektif kajian ini adalah untuk:

- a. mengenal pasti persepsi guru tentang kepemimpinan pengetua terhadap pembelajaran pasukan panitia dalam mewujudkan organisasi pembelajaran.
- b. mengenal pasti perbezaan persepsi guru tentang kepemimpinan pengetua terhadap pembelajaran pasukan panitia mengikut ciri-ciri demografi.
- c. mengenal pasti hubungan antara persepsi guru tentang kepemimpinan pengetua dalam domain pembangunan organisasi, persekitaran organisasi dan program pendidikan dengan pembelajaran pasukan panitia.
- d. mengenal pasti domain kepemimpinan pengetua yang paling menyumbang kepada pembelajaran pasukan panitia.

SOALAN KAJIAN

- a. Apakah persepsi guru tentang kepemimpinan pengetua terhadap pembelajaran pasukan panitia dalam mewujudkan organisasi pembelajaran?
- b. Adakah terdapat perbezaan persepsi guru tentang kepemimpinan pengetua terhadap pembelajaran pasukan panitia mengikut ciri-ciri demografi?
- c. Adakah wujud hubungan antara persepsi guru tentang kepemimpinan pengetua dalam domain pembangunan organisasi, persekitaran organisasi dan program pendidikan dengan pembelajaran pasukan panitia?
- d. Apakah domain kepemimpinan pengetua yang paling menyumbang kepada pembelajaran pasukan?


KEPENTINGAN KAJIAN

Matlamat PIPP adalah "Pendidikan Berkualiti untuk Semua". Bagaimana kita dapat menterjemahkannya? Sememangnya kepemimpinan yang berkualiti akan menghasilkan guru yang berkualiti yang dapat membawa kepada peningkatan pencapaian murid-murid. Kualiti dihubungkan dengan penambahbaikan berterusan yakni pembelajaran berterusan. Pemimpin yang dinamik dan berwibawa merupakan seorang pemimpin yang prihatin dengan visi dan matlamat pendidikan dalam menggembelng tenaga dan komitmen seluruh warga organisasinya. Hasil dapatan kajian ini diharap dapat memberi maklumat tentang faktor-faktor (pembangunan organisasi, persekitaran organisasi dan program pendidikan) yang menyumbang kepada pembelajaran pasukan panitia dalam mewujudkan organisasi pembelajaran. Maklumat-maklumat ini yang merupakan maklum balas yang berguna dapat dijadikan rujukan dan bertindak sebagai garis panduan kepada pentadbir sekolah dalam memantapkan prestasi kerja organisasi sekolah. Hasil dapatan kajian diharap dapat mencetuskan minat dan pemikiran penyelidik-penyelidik lain untuk melanjutkan penyelidikan dalam bidang yang berkaitan secara mendalam agar dapat menyumbang kepada pembelajaran organisasi di sekolah-sekolah.

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka kajian dalam Rajah 1 menunjukkan kepemimpinan pengetua terhadap pembelajaran pasukan dalam mewujudkan organisasi pembelajaran. Pemboleh ubah tidak bersandar (bebas) yang akan dikaji ialah faktor demografi dan domain kepemimpinan pengetua. Sebanyak empat faktor demografi yang akan dikaji iaitu gred akademik, domain kepimpinan pengetua dalam pembangunan organisasi, Persekitaran Organisasi dan Program Pendidikan manakala pemboleh ubah bersandar adalah Pembelajaran Pasukan.

Dalam domain Pembangunan Organisasi terdapat tiga sub kumpulan iaitu hala tuju, hubungan organisasi dan prosedur organisasi. Domain Persekitaran Organisasi mempunyai tiga sub kumpulan iaitu hubungan guru, interaktif dan afektif. Domain Program Pembangunan pula mempunyai dua sub kumpulan iaitu penambahbaikan pengajaran dan latihan pembangunan staf. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti sama ada wujudnya hubungan antara kepimpinan pengetua dengan pembelajaran pasukan dalam mewujudkan pembelajaran organisasi.



Rajah 1: Kerangka Kajian Kepemimpinan Pengetua dan Pembelajaran Pasukan Domain Kepemimpinan Pengetua.

METODOLOGI

Pendekatan kajian

Pendekatan yang digunakan ialah berupa kuantitatif. Tujuannya adalah untuk mengumpul data secara numerikal untuk membantu menerangkan dan menguji serta membentuk teori. Kajian deskriptif telah dibuat untuk membentuk hubungan antara pemboleh ubah - pemboleh ubah.

Populasi dan sampel

Terdapat tiga teknik persampelan yang digunakan iaitu persampelan rawak, persampelan berstrata dan persampelan bertujuan. Daripada 31 buah sekolah menengah di seluruh Petaling, 18 buah sekolah telah dipilih melalui persampelan rawak. Pemilihan sekolah dibuat berdasarkan fakta bahawa kesemua sekolah berkenaan memenuhi segala tuntutan, keperluan dan kehendak kajian. Kesemua sekolah ini adalah di bawah jagaan pegawai pelajaran daerah yang sama. Oleh itu diandaikan terdapat dasar yang sama dalam penyebaran kursus, penganjuran kursus, pemilihan sekolah contoh daerah Petaling dan lain-lain yang berkaitan yang dapat memenuhi kehendak kajian ini.

Di dalam lokasi ini terdapat populasi yang bertepatan dengan tujuan kajian dan penggunaannya dijangka dapat menjawab persoalan kajian. Populasi kajian terdiri daripada guru-guru yang mengajar di lapan belas buah sekolah menengah di daerah Petaling yang terdiri daripada 800 orang. Melalui pensampelan berstrata, bilangan sekolah gred A yang dikaji ialah 11 buah dan bilangan sekolah gred B ialah 7. Populasi yang dipilih ini meliputi guru-guru lelaki dan perempuan daripada pelbagai jawatan dalam organisasi pentadbiran seperti Guru Penolong Kanan (Akademik), Guru Penolong Kanan (Hal Ehwal Murid), Guru Penolong Kanan (Ko-kurikulum), Penyelia Petang, guru-guru kanan mata pelajaran, guru-guru panitia, guru-guru tingkatan dan guru-guru biasa melalui pensampelan bertujuan. Sekiranya populasi ialah di sekitar 500 maka 50% akan dijadikan sampel dan sekiranya populasi ialah di sekitar 15000, maka 20% akan dijadikan sampel. Oleh itu dalam kajian ini peratusan sampel yang dipilih ialah sekitar 35. Populasi guru dari 18 buah sekolah diandaikan adalah seramai 800 orang. Oleh itu pengkaji mengambil 270 responden mengikut cadangan saiz sampel tersebut.

Instrumen kajian

Instrumen kajian yang digunakan untuk pengumpulan data dalam kajian ini ialah satu set soal selidik. Set soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu 1) Bahagian A: Biodata Diri; 2) Bahagian B: Soal Selidik tentang kepemimpinan pengetua 3) Bahagian B: Soal Selidik tentang pembelajaran pasukan. Bahagian A dibentuk sendiri oleh penyelidik, sementara Bahagian B diubahsuai dari *Audit of Principal Effectiveness*, APE (diolah semula pada 1986 Valentine I.W. & Bowman M.L.,) dan *The Dimensions of The Learning Organization Questionnaire*, DLOQ (Marsick & Watkins, 1997), serta soal selidik TALIS (Kajian Antarabangsa OECD Mengenai Pengajaran dan Pembelajaran – Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2007). Soal selidik oleh Norlia Ahmad Kassim dan Azizah Mohd. Noor yang juga menggunakan DLOQ (*Malaysian Journal of Library & Information Science*, Vol.12, no.1, July 2007: 60) bertajuk *Team Learning In A Learning Organization* dirujuk.

Jadual 1: Analisis Taburan Item Berkaitan Dengan Persepsi Guru Tentang Kepemimpinan Pengetua dan Pasukan Pembelajaran

Domain	Bil. Asal	Bil.Tambahan	Jumlah Item
Pembangunan Organisasi	14	3	17
Faktor hala tuju organisasi	8	1	9
Faktor hubungan organisasi	3	1	4
Faktor prosedur organisasi	3	1	4
Iklim Organisasi	22	-4	18
Faktor hubungan dengan guru	9		9
Faktor hubungan dengan murid	4	-4	0
Faktor proses interaktif	6		6
Faktor proses afektif	3		3
Program Pendidikan	11		11
Faktor penambahbaikan p&p	7		7
Faktor kemajuan staf	4		4
Pembelajaran Pasukan	16	5	21
Jumlah item	63		67

Instrumen soal selidik berupa 5 poin skala Likert digunakan iaitu nombor 1 untuk 'sangat tidak setuju', 2 untuk 'tidak setuju', 3 untuk 'tidak pasti', 4 untuk 'setuju' dan 5 untuk 'sangat setuju'. Pemilihan instrumen soal selidik ini adalah berdasarkan kecekapan instrumen ini mengumpul data dalam masa yang singkat di samping kaedah ini membolehkan pengumpulan data melalui soal selidik dilakukan dengan kos yang rendah dan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi (Gay & Airasian, 2003).

Jadual 2: Keputusan Nilai Kebolehpercayaan Instrumen

Item-Item	Bilangan Item	Nilai Cronbach Alpha
Domain Pembangunan Organisasi	14	0.944
Domain Iklim Organisasi	22	0.971
Domain Program Pendidikan	11	0.951
Pembelajaran Pasukan	16	0.953
Kepemimpinan Pengetua	47	0.984

Analisis data

Data akan dianalisis menggunakan alat statistik seperti rajah di bawah.

Jadual 3: Alat Statistik Yang Digunakan Mengikut Skala Pengukuran

Bil.	Hipotesis Kajian	Pemboleh ubah Tak Bersandar	Pemboleh ubah Bersandar	Alat Statistik
1	H ₀₁ : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepemimpinan pengetua terhadap pembelajaran pasukan panitia dalam kalangan guru mengikut ciri-ciri demografi.	Ciri-ciri demografi <i>Nominal</i>	Pembelajaran pasukan <i>Sela</i>	Ujian-t dan ANOVA satu hala
2	H ₀₂ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara domain pembangunan organisasi dengan pembelajaran pasukan panitia.	Pembangunan Organisasi <i>Sela</i>	Pembelajaran pasukan <i>Sela</i>	Pearson 'r'
3	H ₀₃ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara domain persekitaran organisasi dengan pembelajaran pasukan panitia.	Persekitaran Organisasi <i>Sela</i>	Pembelajaran pasukan <i>Sela</i>	Pearson 'r'
4	H ₀₄ : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara domain program pendidikan dengan pembelajaran pasukan panitia.	Program Pembangunan <i>Sela</i>	Pembelajaran pasukan <i>Sela</i>	Pearson 'r'
5	H ₀₅ : Tidak terdapat domain kepemimpinan pengetua yang menjadi peramal terbaik yang menyumbang kepada pembelajaran pasukan panitia.	Faktor kepemimpinan pengetua <i>Sela</i>	Pembelajaran pasukan <i>Sela</i>	Regresi pelbagai

Nota: Aras signifikan yang ditetapkan, $p = < .05$. Analisis ujian hipotesis yang mempunyai $p > .05$ maka hipotesis nol diterima. Jika $p < .05$, maka hipotesis nol ditolak.

DAPATAN KAJIAN

Gred Sekolah

Daripada 240 orang responden, 138 orang adalah guru yang mengajar di sekolah gred A (57.7%) dan 102 lagi adalah guru yang mengajar di sekolah gred B (42.5%). Sekolah gred A merupakan sekolah yang mempunyai pelajar seramai 1000 orang ke atas dan gred B mempunyai pelajar seramai 1000 orang ke bawah. Bilangan sekolah gred A yang dikaji ialah sebanyak 11 buah dan gred B sebanyak 7 buah sekolah.

Pengalaman Mengajar

Daripada 240 orang responden, 63 responden ialah guru yang mempunyai kurang daripada 3 tahun pengalaman mengajar (33.8%) dan 96 lagi ialah guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 8 tahun (40%).

Jawatan Yang Disandang

Daripada 240 orang responden, 19 orang responden ialah guru yang menyandang jawatan penolong kanan atau penyelia petang (7.9%), 111 orang responden menyandang jawatan ketua bidang, ketua panitia atau ketua unit (46.3%) dan 110 orang ialah guru biasa (45.8%)

Status Akademik Responden

Daripada 240 orang responden, 10 orang responden ialah guru yang mempunyai Sijil Perguruan atau Diploma (4.2%), 218 orang responden ialah guru yang berkelulusan Sarjana Muda (90.8%) dan 12 orang responden ialah guru yang berkelulusan sehingga ke peringkat Sarjana (5%).

Persepsi Guru Tentang Kepimpinan Pengetua Terhadap Pembelajaran Pasukan

Data yang diperoleh telah dikodkan semula untuk mendapat frekuensi (fx) dan peratus nilai untuk setiap pemboleh ubah. Julat untuk nilai 1 ialah antara 1 - 1.99 dalam skala Likert 5 poin diandaikan rendah. Julat untuk nilai 2 ialah di antara 2 - 3.99 dan diandaikan sederhana tinggi. Julat untuk nilai 3 ialah di antara 4 - 5 dan diandaikan tinggi. Secara keseluruhan, data menunjukkan terdapat signifikan iaitu responden-responden setuju bahawa wujudnya kepemimpinan pengetua dan berlakunya pembelajaran pasukan. Peratusan responden yang memberi nilai 3 untuk pemboleh ubah Pembangunan

Organisasi ialah 51.7. Peratusan responden yang memberi nilai 2 untuk pemboleh ubah Persekitaran Organisasi dan Program Pendidikan ialah 57.9. Peratusan responden yang memberi nilai 2 untuk pemboleh ubah Pembelajaran Pasukan ialah 64.2. Ini menunjukkan bahawa ia berada pada tahap sederhana tinggi sahaja.

Jadual 4: Persepsi Responden Tentang Kepimpinan Pengetua Terhadap Pembelajaran Pasukan

	Pembangunan Organisasi(OD)		Persekitaran Organisasi		Program Pendidikan		Pembelajaran Pasukan	
	fx	Peratus	fx	Peratus	fx	Peratus	fx	Peratus
1.00	2	.8	4	1.7	1	.4	1	.4
2.00	114	47.5	139	57.9	139	57.9	154	64.2
3.00	124	51.7	97	40.4	100	41.7	85	35.4
Jumlah	240	100.0	240	100.0	240	100.0	240	100.0

Perbezaan Persepsi Guru Tentang Kepemimpinan Pengetua Terhadap Pembelajaran Pasukan Mengikut Ciri Demografi

Penggunaan ujian t dan ANOVA menunjukkan keputusan ujian adalah tidak signifikan ($t = -.555$, $df = 238$, $P = .579$). Tidak terdapat perbezaan antara kedua-dua sekolah gred A dan B dari segi pembelajaran pasukan di mana $p > .05$. Maka hipotesis nol diterima. Dapatan analisis ANOVA menunjukkan tidak wujudnya perbezaan persepsi yang signifikan berdasarkan faktor pengalaman guru ($f = .502$, $p = .606$), jawatan yang disandang ($f = .710$, $p = .403$) dan kelayakan akademik ($f = .591$, $p = .554$) kerana p adalah lebih daripada 0.05. Maka semua hipotesis nol berkaitan itu diterima.

Hubungan Antara Persepsi Guru Tentang Kepemimpinan Pengetua dan Pembelajaran Pasukan

Data menunjukkan wujudnya hubungan antara pembangunan organisasi dengan pembelajaran pasukan, iklim organisasi dengan pembelajaran pasukan dan program pendidikan dengan pembelajaran pasukan adalah signifikan. Oleh itu output daripada korelasi Pembangunan Organisasi dengan Pembelajaran

Pasukan (.531), Persekitaran Organisasi dengan Pembelajaran Pasukan (.592) dan Program Pembangunan dengan Pembelajaran Pasukan (.641) menunjukkan hubungan yang sederhana.

Domain Kepemimpinan Yang Paling Menyumbang Kepada Pembelajaran Pasukan .

Output regresi linear untuk peramal pertama (Pembangunan Organisasi) : nilai R^2 sebanyak .282 menunjukkan bahawa 28.2% jumlah varian dalam persepsi guru adalah sumbangan daripada faktor Pembangunan Organisasi. Keputusan ujian-t menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal pertama dan pemboleh ubah bersandar (Pembelajaran Pasukan) pada $p < .05$.

Output regresi linear untuk peramal kedua (Persekitaran Organisasi) : nilai R^2 sebanyak .350 menunjukkan bahawa 35% jumlah varian dalam persepsi guru adalah sumbangan daripada faktor Persekitaran Organisasi. Keputusan ujian-t menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal pertama dan pemboleh ubah bersandar (Pembelajaran Pasukan) pada $p < .05$.

Output regresi linear untuk peramal ketiga (Program Pendidikan) : nilai R^2 sebanyak .411 menunjukkan bahawa 41.1 % jumlah varian dalam persepsi guru adalah sumbangan daripada faktor Program Pendidikan. Keputusan ujian-t menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah peramal dan pemboleh ubah bersandar (Pembelajaran Pasukan) pada $p < .05$.

Untuk menguji H_0 yang menyatakan tidak terdapat domain kepemimpinan pengetua yang menjadi peramal terbaik yang menyumbang kepada pembelajaran pasukan, Analisis Regresi Pelbagai kaedah 'stepwise' digunakan.

Daripada persamaan regresi yang muktamad, pengiraan statistik yang terakhir menunjukkan bahawa peramal yang mempunyai *beta weight* terbesar ialah PP iaitu program pendidikan ($Beta = .456$) diikuti oleh IO iaitu Persekitaran Organisasi ($Beta = .276$).

Ini bermakna faktor Program Pendidikan (PP) adalah penyumbang yang lebih besar daripada pemboleh ubah Persekitaran Organisasi (IO) dalam menerangkan variasi persepsi guru terhadap pembelajaran pasukan. Pembangunan Organisasi menunjukkan *beta weight* -.031 dan tidak signifikan pada aras 0.748. Maka H_0 yang menyatakan tidak terdapat domain

kepemimpinan pengetua yang menjadi peramal terbaik yang menyumbang kepada pembelajaran pasukan tidak diterima.

RUMUSAN

Tujuan kajian kuantitatif korelasi dibuat adalah untuk meninjau persepsi guru tentang hubungan antara kepemimpinan pengetua dan pembelajaran pasukan dalam mewujudkan organisasi pembelajaran. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan antara kepemimpinan dengan pembelajaran pasukan mencadangkan bahawa konstruktif mungkin dapat meningkatkan pemahaman tentang amalan kepimpinan dan pembelajaran pasukan untuk mewujudkan pembelajaran organisasi. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti faktor/domain kepemimpinan yang paling menyumbang kepada pembelajaran pasukan. Kajian ini telah dijalankan di lapen belas buah sekolah gred A dan B di Daerah Petaling, Selangor. Teknik persampelan yang digunakan ialah persampelan rawak, berstrata dan bertujuan. Seramai 248 orang responden mengembalikan soal selidik tersebut di mana lapen set soal selidik yang tidak lengkap dikeluarkan. Kajian ini adalah kajian korelasi yang menggunakan kaedah deskriptif dan inferensi berasaskan soal selidik.

